

---

## **GARIS PANDUAN PERUNDING JUALAN THTS**

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan **PERUNDING JUALAN THTS** ini disediakan bagi tujuan memberi panduan kepada perunding yang dilantik untuk memasarkan pakej-pakej Umrah, Haji dan Pelancongan yang ditawarkan oleh THTS, selagi mana mereka masih terikat sebagai Perunding Jualan THTS bagi memastikan aktiviti ini selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

### **2.0 TAKRIF**

Bagi maksud Garis Panduan ini:

- (a) "Kontrak" bermaksud perjanjian dan persetujuan di antara THTS dan peserta dalam bentuk surat pelantikan rasmi yang dikeluarkan oleh THTS dan dipersetujui oleh perunding.
- (b) "Perkhidmatan" bermaksud setiap elemen perkhidmatan dan penjualan produk-produk THTS tidak terhad kepada pakej-pakej perniagaan Umrah, Haji dan Pelancongan sahaja THTS.
- (c) "Insentif" bermaksud jumlah bayaran yang dijanjikan dan dibayar kepada perunding sebagai upah kerana berjaya memberikan perkhidmatan yang cemerlang sehingga berjaya menjual produk-produk THTS kepada para pelanggan.

### 3.0 **TANGGUNGJAWAB PERUNDING JUALAN THTS**

Senarai tanggungjawab yang dinyatakan di bawah ini adalah sebagai rujukan perunding dalam menjaga nama baik THTS dan MOTAC:

(a) Memastikan setiap **pendaftaran masuk hendaklah bersama deposit.**

i. Bagi **Pakej Umrah** adalah sebanyak **RM300** setiap seorang jemaah. (Pendaftaran tertakluk kepada kekosongan pakej/ bilik bagi setiap penerbangan )

ii. Bagi **Pakej Pelancongan** bayaran deposit adalah seperti berikut:-

Harga Pakej / Seorang	Jumlah Deposit / Seorang
Dibawah RM5,000.00	RM300
RM5,000 dan ke atas	RM1,000

(b) Memastikan jemaah melunaskan **baki bayaran penuh dalam tempoh empat puluh lima (45) hari sebelum tarikh penerbangan** dan pembayaran hendaklah dibuat atas nama akaun TH Travel & Services Sdn Bhd sahaja.

(c) Memberi penjelasan kepada pelanggan dan memastikan pelanggan mengetahui bahawa sekiranya mereka gagal untuk menjelaskan bayaran dan/atau menarik diri dan/atau gagal untuk melaksanakan mana-mana obligasi yang dinyatakan, **bayaran deposit tidak akan dikembalikan.**

(d) Memberi penjelasan kepada pelanggan mengenai **Polisi Pembatalan** tempahan pakej iaitu:-

“Pembatalan yang dibuat kurang dari 30 hari dari tarikh penerbangan akan dikenakan bayaran harga sebenar tambang tiket kapal terbang dan lain-lain bayaran yang telah dibuat oleh THTS”.

- (e) Memberikan data jemaah yang tepat dan lengkap (salinan pasport jemaah) kepada **THTS selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum penerbangan** bagi pakej Umrah dan **empat puluh lima (45) hari** bagi pakej pelancongan bagi memudahkan urusan pemprosesan visa.
- (f) Memaklumkan kepada pelanggan bahawa pengeluaran **visa bagi pakej pelancongan adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa di negara yang akan dilawat**. THTS tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya permohonan visa tidak diperolehi.
- (g) Memberi penjelasan kepada Jemaah berhubung pertukaran nama pelanggan (bagi pakej pelancongan sahaja) hanya boleh dibuat selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh berlepas.
- (h) Memastikan semua jemaah **melaporkan diri selewat-lewatnya lima (5) jam sebelum waktu berlepas**. Sekiranya berlaku kelewatan pihak **THTS** tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami.
- (i) Memastikan **semua jemaah bebas dari masalah kesihatan kronik** yang tidak memerlukan perhatian khusus (contoh: masalah buah pinggang (dialisis) / sakit jantung / barah dll).
- (j) Memastikan semua urusan promosi dan pemasaran hendaklah **menggunakan flyers THTS** sahaja dan dicop **Perunding Jualan THTS (Nama/Telefon/Alamat)**.
- (k) Memaklumkan kepada jemaah bahawa permohonan untuk menempah seat kelas Pertama, Perniagaan dan Super Ekonomi adalah **tertakluk kepada kekosongan dan kelulusan pihak Pengurusan THTS** dengan bayaran tambahan yang ditetapkan.
- (l) Memastikan kos penerbangan sambungan (jika ada) adalah tanggungjawab jemaah/pelanggan.
- (m) Semua perunding adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Peribadi (PDPA).
- (n) **Bagi Pakej Haji**, perunding hendaklah memastikan jemaah mengisi borang Pendaftaran Pakej Haji bagi tahun yang berkenaan dan diserahkan kepada pejabat THTS yang terdekat.

## **5.0 KELEBIHAN PERUNDING JUALAN**

- (a) Yuran Pendaftaran sebagai Perunding Jualan THTS adalah percuma.
- (b) Berpeluang untuk menjadi Petugas atau Guru Agama Umrah.
- (c) Berpeluang untuk menjadi Petugas atau Guru Agama Haji tertakhluk kepada terma dan syarat.
- (d) Berpeluang mengikuti Program Pembangunan Perunding Jualan THTS.
- (e) Berpeluang untuk merebut percutian khas tajaan THTS sebagai Insentif tambahan.
- (f) Berpeluang untuk mengikuti Program PEKTA & PIHTAS tertakhluk kepada terma dan syarat.
- (g) Jenama yang unggul. Merupakan Ahli Kumpulan Syarikat TH yang diperbadankan pada 09 September 1972.

## **6.0 SYARAT DAN TERMA LANTIKAN**

- (a) THTS boleh membuat pindaan dan/atau tambahan kepada terma dan syarat-syarat di dalam kontrak yang dikeluarkan mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- (b) THTS tidak akan menanggung sebarang kerugian yang dialami oleh perunding yang timbul dari tawaran ini dan perunding tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap THTS.
- (c) THTS tidak bertanggungjawab di atas pembatalan tempahan disebabkan kelewatan memberi maklumat atau dokumen yang diperlukan.
- (d) THTS tidak bertanggungjawab kepada sebarang bentuk tiket penerbangan sambungan domestik (jika ada).
- (e) Hanya menjadi perunding kepada THTS sahaja pada satu-satu masa.
- (f) **Mana-mana calon PJT yang mempunyai hubungan ahli keluarga terdekat**

...

- dengan anggota THTS perlu memohon kelulusan jawatankuasa khas
- (g) THTS boleh melantik perunding untuk menjadi Mutawif atau Mutawiffah tertakluk kepada persetujuan bersama.
  - (h) Mampu untuk memberikan penerangan yang jelas tentang perkhidmatan di bawah kelolaan THTS.
  - (i) Kedua-dua pihak, THTS dan perunding boleh menamatkan lantikan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis tanpa sebarang syarat atau alasan. Notis tersebut hanya akan sah apabila diterima secara sah dan bertulis oleh pihak THTS.
  - (j) Syarat dan terma lantikan ini adalah terpakai kepada semua produk THTS sama ada Haji, Umrah dan Pelancongan.

## **7.0 HAK-HAK THTS SDN. BHD.**

- (a) Berhak melakukan semakan latarbelakang setiap perunding yang dilantik oleh THTS.
- (b) perunding yang dilantik akan dipantau tahap kompetensinya dari masa ke semasa.
- (c) Menetapkan kadar insentif mengikut kaedah pembayaran insentif THTS yang terkini.
- (d) Boleh menamatkan lantikan atau perkhidmatan perunding dengan serta merta jika didapati melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan dalam surat lantikan atau Aku Janji atau Garis Panduan yang telah diberikan.
- (d) Memberikan laporan pembayaran insentif atau keuntungan jualan produk-produk THTS kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau mana-mana badan berkanun, jika diarahkan.
- (e) Hanya mengeluarkan resit rasmi setelah pembayaran secara tunai atau Cek disahkan jelas di dalam akaun bank THTS.
- (f) Berhak menolak pendaftaran pelanggan/jemaah yang dibawa oleh perunding tanpa perlu memberi alasan.
- (g) Akan melaporkan kepada MOTAC sekiranya perunding disenarai hitamkan oleh THTS atau terlibat dengan mana-mana kes jenayah atau di bawah tindakan undang-undang di dalam atau di luar negara.

## **8.0 POLISI PEMBAYARAN INSENTIF**

8.1 Pembayaran insentif kepada perunding hanya akan dibuat oleh THTS setelah perkara berikut dipenuhi:

8.1.1 Bayaran PENUH telah diterima dan direkodkan di dalam akaun THTS;

8.1.2 Pelanggan telah selamat berlepas;

8.1.3 Tiada isu-isu pembayaran yang timbul dengan pelanggan terbabit.

8.1.4 Membuat tuntutan dengan mengisi borang yang disediakan dan diserahkan ke pejabat THTS dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelepasan pelanggan/ jemaah;

8.1.5 Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dikira dari tarikh penerimaan borang tuntutan daripada perunding.

6 . 2 Setiap produk THTS yang dijual, THTS perlu mendapat BAYARAN PENUH mengikut harga yang telah ditetapkan. perunding DILARANG mengambil bayaran tunai bagi pihak THTS. Hanya anggota THTS sahaja yang diberikan kuasa dan dibenarkan mengambil deposit atau bayaran tunai daripada pelanggan.

## **9.0 POLISI PEMBAYARAN BALIK (REFUND)**

Segala REFUND (jika ada) akan dibayar terus kepada pelanggan hanya setelah segala kos-kos yang terbabit termasuk kos-kos yang melibatkan pihak penerbangan, badan berkanun, Kerajaan Saudi, pihak Muassasah Umrah, cukai, fi pentadbiran dan lain-lain yang berkaitan selesai ditolak terlebih dahulu.

## **10.0 PENUTUP**

Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan kepada semua perunding yang berdaftar di bawah THTS dan ianya akan menjadi sebahagian dari kontrak perunding. Oleh itu, mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam garis panduan ini, hendaklah dirujuk dan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa demi menjaga kepentingan THTS